KENYATAAN MEDIA

Kenyataan AKPK berkenaan Pencerobohan Keselamatan Siber

Untuk Penerbitan Segera

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sedang bertindak balas terhadap pencerobohan ke atas sistem teknologi maklumatnya oleh penjenayah siber. Pelayan AKPK yang mengandungi data mungkin telah diakses secara haram. AKPK memberi keutamaan bagi menangani situasi ini dan sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan secara berterusan.

Berikutan pencerobohan sistem teknologi maklumat ini, AKPK telah memaklumkan kepada pihak berkuasa, mengambil langkah untuk melindungi pelayan kami dan memulakan penyiasatan bersama pakar keselamatan siber. AKPK telah menerima dan menolak permintaan tebusan, yang merupakan tindakan yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berkaitan dan para pakar.

Akibat pencerobohan itu, kami memutuskan untuk menyahaktifkan beberapa sistem operasi kami buat sementara waktu untuk mencegah risiko selanjutnya. Kami akan mengembalikan operasi sistem kami secara beransur-ansur sebaik sahaja selamat untuk berbuat demikian. Pada masa ini, kami telah melaksanakan pengaturan operasi yang sesuai agar pelanggan masih boleh mendapatkan perkhidmatan daripada kami dengan selancar mungkin. AKPK benar-benar memohon maaf atas kejadian ini.

Sejak tahun 2006, AKPK komited untuk berkhidmat kepada pelanggan dan orang awam dengan menawarkan perkhidmatan percuma dalam memperkasakan rakyat Malaysia bagi meningkatkan daya tahan kewangan mereka.

Kami akan terus berusaha untuk mengurangkan kesan pencerobohan ini demi melindungi data para pelanggan.

Sokongan dan timbang rasa pelanggan dalam tempoh yang sukar ini sangat kami sanjungi dan kami akan terus mengatasi cabaran ini bagi memberi perkhidmatan kepada pelanggan kami.

Pelanggan AKPK harus menghubungi pusat panggilan khusus di 03 2616 7766 atau klik https://bit.ly/pejabatAKPK untuk mencari cawangan AKPK terdekat.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
30 Mac 2023

MEDIA STATEMENT

AKPK Statement on Cybersecurity Breach

For Immediate Release

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) is responding to a recent breach of its IT system. AKPK server containing customer data may have been illegally accessed. AKPK is treating this situation with the highest priority and we are cooperating with relevant authorities on an ongoing basis.

Following the malicious and criminal breach of our IT system, we notified the authorities, took measures to secure our server, and began an investigation with leading third-party cybersecurity experts. AKPK received and rejected a ransom request, a response relevant authorities and experts agreed with.

As a result of the breach, we decided to take some of our operational systems offline temporarily to prevent further risks. We are gradually bringing our systems back online once we have established that it is safe to do so. During this time, we have implemented relevant arrangements to maintain our services to our customers with as little disruption as possible.

AKPK sincerely apologises for this unfortunate incident.

Since 2006, AKPK has been committed to serving our customers and members of the public by providing free services with a commitment to empowering Malaysians to be financially resilient.

AKPK will continue to do everything we can to mitigate the impact of this breach to protect our customers' data.

We seek your ongoing support and understanding during this trying time. We shall overcome these challenges and remain steadfast in serving our customers.

AKPK customers should contact AKPK's dedicated call centre at 03 2616 7766 or click https://bit.ly/pejabatAKPK to find the nearest AKPK branches.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

30 March 2023